

## KEWAJIPAN MELAKSANAKAN SOLAT SUNAT TAUBAT BAGI MEREKA YANG TIDAK SOLAT JUMAAT KETIKA PANDEMIK (COVID-19)

Berikut adalah penjelasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak berikutan kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang pendakwah yang telah berlegar di alam maya berkaitan tindakan meninggalkan solat Jumaat ketika penularan Pandemik COVID-19.

Mengkhususkan kewajipan solat sunat taubat untuk mereka yang tidak melaksanakan solat Jumaat adalah **satu pandangan yang perlu diperhalusi dan diteliti semula**. Hal ini kerana mana-mana individu Muslim yang tidak melaksanakan kewajipan melaksanakan solat Jumaat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa penularan COVID-19 terbahagi kepada 2(dua) kategori:

### 1. Sengaja tidak menunaikan solat Jumaat:

Sekiranya seseorang itu telah diberi kebenaran oleh Jawatankuasa Kariah atau mendapat giliran untuk menunaikan solat Jumaat tetapi dengan sengaja tidak pergi menunaikan solat Jumaat tersebut atau gilirannya itu diberikan kepada orang lain tanpa keuzuran Syarak maka, hukumnya adalah berdosa.

Kewajipan melaksanakan solat Jumaat dinyatakan secara jelas berdasarkan nas al Quran dan Hadis :

Dalil al Quran :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ  
وَذَرُوا الْبَيْعَ ۗ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Bermaksud: " *Wahai orang-orang yang beriman apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)*".

Dalil Hadis :

Riwayat Abi Daud oleh Ibn Abbas r.a., Nabi SAW bersabda

مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُدْرٍ

قالوا : يا رسول الله ، وما العذر ؟ قال : خوف أو مرض .

Bermaksud: "Sesiapa yang mendengar seruan azan kemudian tidak mendatanginya (pergi ke masjid) maka tidak sempurna solatnya, melainkan disebabkan keuzuran. Mereka (para sahabat) bertanya ; "Wahai Rasulullah,

apakah keuzuran itu?” Baginda menjawab, “Ketakutan / kebimbangan atau penyakit ”

2. Mereka yang terhalang untuk menunaikan solat Jumaat:

2.1 Halangan disebabkan kuota / kapasiti jamaah yang terhad untuk menunaikan solat Jumaat di masjid atau premis yang dibenarkan berdasarkan siapa yang datang dahulu akan dapat menunaikan solat atau peraturan masjid berasaskan penggiliran. Syarat utama yang perlu dilaksanakan agar tidak tergolong sebagai orang yang meninggalkan solat Jumaat dengan sengaja maka, beliau wajib terlebih dahulu mendaftarkan diri atau berusaha pergi ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat atau memastikan namanya tidak tercicir dalam data / sistem sebagai ahli kariah di masjid tersebut.

2.2 Mereka yang sedang dikuarantin di rumah atau premis yang ditetapkan ( yang dipakaikan gelang oleh pihak KKM / Klinik Kesihatan ), maka ia terhalang untuk keluar daripada rumah bagi menunaikan solat Jumaat.

Namun begitu, adalah dinasihatkan agar tidak merasai seronok dan nikmat dengan meninggalkan solat Jumaat tersebut kerana haram hukumnya merasai perasaan tersebut dengan sengaja disebabkan halangan tersebut.

Jabatan Mufti Negeri Perak meneliti kenyataan yang diutarakan mendapati bahawa warga Muslim khususnya dan rakyat amnya berhadapan dengan arahan-arahan spesifik daripada pihak berkuasa termasuk perihal ibadat khasnya solat Jumaat seperti berikut :

- i) Pengarahan kewajipan melaksanakan solat Jumaat
- ii) Pengarahan mentaati Allah SWT, Rasulullah SAW dan Ulil Amri sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Bermaksud : “ Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu akan Allah dan taatlah kamu akan Rasul dan Ulil Amri di kalangan kamu ”

Sebarangan peninggalan terhadap kefarduan solat Jumaat terhadap orang Islam yang disifatkan sebagai “ahli Jumaat” disebabkan keuzuran dan terhalang melaksanakannya tidak dikira sebagai berdosa. Halangan tersebut dilaksanakan oleh

pihak Ulil Amri dengan mengambil kira masalah yang lebih besar kepada ummah serta memelihara Maqasid Syariah yang menjadi teras kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat. Apatah lagi penularan wabak menjadi halangan yang nyata terhadap pelaksanaan solat Jumaat terhadap seseorang.

Kesimpulannya, mewajibkan solat sunat taubat bagi orang lelaki yang meninggalkan solat Jumaat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa penularan COVID-19 itu tidak bertepatan dan perlu diteliti semula dengan sebaiknya berlandaskan hujahan Syarak.

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Perak